

PERTANDINGAN IDEA KREATIF VETERINAR 2014

Tempat	Nama	Ringkasan Idea Kreatif
Pertama	Dr. Elizabeth Edward Juan Pegawai Veterinar, DVS WP Labuan.	DVS turut menyambut World Veterinary Day atau Hari Veterinar Sedunia yang jatuh pada 26 April 2014 seperti yang ditetapkan oleh World Veterinary Association (WVA). Dicadangkan pihak jabatan mengadakan program pengembirian secara serentak di semua Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri pada 26 April 2014 dan seterusnya mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Records sebagai Program Pengembirian yang Terbesar di Malaysia. Program ini juga boleh melibatkan NGO atau pihak swasta.
Kedua	Tn Hj Noor Rahim bin Sharif Pegawai Penyelidik, Seksyen Pelaburan, Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, IPPV Putrajaya.	Semua Negeri diminta menyenaraikan inovasi yang ada mengikut enam (6) komoditi utama dan menyatakan senarai ladang yang menggunakan inovasi tersebut dan kesannya kepada pembangunan industri komoditi ternakan tersebut. Negeri yang dapat menyenaraikan inovasi terbanyak mengikut komoditi yang digunakan oleh sekurang-kurangnya lima (5) ladang akan menjadi pemenang.
Ketiga	Cik Norfuziana 'Ashikin binti Mohd Fuzi Pembantu Veterinar Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, IPPV Putrajaya.	Petting Zoo (PZ) diubah konsep supaya lebih menarik, berinformatif dan inovatif. Selain riadah, PZ digunakan untuk mendidik pengunjung mengenali haiwan yang mengeluarkan makanan, menjaga kebajikan haiwan dan menjadi tuan punya yang bertanggungjawab. Kandungan pameran seperti pelbagai unggas lepas bebas, anak unggas di dalam kotak, telur unggas, haiwan kesayangan, anak ternakan untuk bermain dan pelbagai burung dan mamalia lepas bebas dalam <i>walk-in aviary</i> .
Penyertaan Terbanyak 2014	Tn Hj Noor Rahim bin Sharif Pegawai Penyelidik, Seksyen Pelaburan, Bahagian Pembangunan Komoditi	Empat puluh dua (42) penyertaan.

	Ternakan, IPPV Putrajaya.	
--	------------------------------	--